

19 APR 2002
MAHATHIR-PELABURAN/I
MALAYSIA MAHU BANTU LIBYA TARIK PELABURAN ASING

Oleh: Mohd Arshi Daud dan Khaidzir Yunus

TRIPOLI, 19 April (Bernama) -- Malaysia berminat untuk berkongsi pengalamannya dalam menarik pelaburan asing dengan Libya yang sedang berusaha menarik pelaburan begini, khususnya berikutan penggantungan sekatan perdagangan yang dikenakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke atas negara itu pada tahun 1999.

"Oleh kerana Malaysia telah berjaya menarik sejumlah besar pelaburan asing tahun demi tahun, kami ingin berkongsi pengalaman dalam bidang ini dengan negara ini (Libya)," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Bagi Malaysia, menggalakkan pelaburan langsung asing (FDI) tetap menjadi strategi penting bagi menjana dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi, katanya pada suatu jamuan makan malam dengan komuniti perniagaan Malaysia dan Libya, di sini.

Dr Mahathir berkata, tahun lalu Malaysia menarik FDI bernilai AS\$4.8 bilion dalam sektor pembuatan, kebanyakannya merupakan projek berintensifkan teknologi.

Sambil menegaskan bahawa Malaysia tetap merupakan lokasi pelaburan yang berdaya saing dan berdaya maju, beliau berkata bahawa kerajaan sentiasa dan komited untuk memperbaiki dasar-dasarnya, yang terbukti menarik bagi pelabur-pelabur dan berjaya memperkukuhkan sokongan kepada perdagangan dan industri.

Perdana Menteri menyeru ahli-ahli perniagaan Libya merebut peluang-peluang pelaburan di Malaysia, khususnya dalam sektor pembuatan, di mana pelbagai kegiatan telah dikenal pasti untuk diberikan galakan.

"Mereka boleh dipertimbangkan untuk diberikan galakan fiskal dan bukan fiskal," kata Dr Mahathir, yang sedang dalam lawatan selama dua hari ke negara yang terletak di utara benua Afrika ini, sebagai sebahagian daripada lawatan seminggunya ke tiga buah negara, termasuk Maghribi dan Bahrain.

Kata beliau, ahli-ahli perniagaan Libya bukan sahaja melihat Malaysia sebagai sebuah pasaran yang terdiri daripada 24 juta orang tetapi juga sebagai laluan kepada 530 juta orang dalam pasaran Asean.

Komuniti perniagaan Libya patut menggunakan jalinan kukuh perdagangan Malaysia dengan negara-negara anggota Asean sebagai laluan ke pasaran Asean, yang kini sedang berada pada tahun akhir persediaan untuk bertukar menjadi Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA).

Dr Mahathir berkata, usaha-usaha mestilah dipertingkatkan oleh kedua-dua komuniti perniagaan Malaysia dan Libya bagi mempertingkatkan aliran perdagangan kecil antara kedua-dua negara memandangkan dalam tahun 2001, perdagangan dua hala bernilai hanya AS\$5.2 juta.

Malaysia bukan sahaja boleh membekalkan produk kepada Libya, malah juga bersedia menawarkan kepakaran dan berkongsi pengalaman dalam bidang perkhidmatan seperti penjagaan kesihatan, pembinaan dan pembangunan prasarana.

Kata Dr Mahathir, Malaysia juga ingin mengambil bahagian dalam usaha Libya menggalakkan pelaburan melalui usaha sama dan kerjasama.

Syarikat-syarikat Malaysia telah menceburi perniagaan di luar negara dalam banyak bidang, termasuk pembuatan, pembinaan lebuhraya, pelabuhan dan lapangan terbang, pembangunan prasarana seperti projek-projek penjanaan tenaga, telekomunikasi dan rawatan air, tambah Perdana Menteri. -- BERNAMA

MAD/KHY FR KY JR